

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**PERTANYAAN : LISAN****DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [JELUTONG]****TARIKH : 2.11.2017****SOALAN :**

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan butiran lengkap bagi jumlah calon yang telah memilih Bahasa Cina dan Bahasa Tamil sebagai satu mata pelajaran dalam Peperiksaan SPM dan STP dalam tempoh tahun 2008 hingga 2017.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, bilangan calon yang mengambil atau menduduki peperiksaan Bahasa Cina SPM pada tahun 2012 ialah 53,298 calon. Pada tahun 2013 bilangan calon berkurangan sebanyak 1,613 kepada 51,685 calon, manakala pada tahun 2014 bilangan calon yang memilih untuk menduduki peperiksaan Bahasa Cina ialah 50,568 calon, berkurangan sebanyak 1,117 calon berbanding tahun 2013. Bagi tahun 2015, calon yang menduduki peperiksaan Bahasa Cina SPM ialah 45,480 calon, kurang 5,088 calon berbanding tahun 2014; dan bagi tahun 2016 pula, calon Bahasa Cina SPM ialah 44,208 calon berkurangan sebanyak 1,272 berbanding tahun 2015.

Untuk mata pelajaran Bahasa Tamil peringkat SPM, bilangan calon yang mengambil atau menduduki peperiksaan Bahasa Tamil SPM pada tahun 2012 ialah 8,107 calon. Pada tahun 2013 bilangan calon berkurangan sebanyak 288 calon kepada 7,819 calon, manakala pada tahun 2014 bilangan calon yang memilih untuk menduduki peperiksaan Bahasa Tamil ialah 7,776 calon, berkurangan sebanyak 43 calon berbanding tahun 2013. Walau bagaimanapun, bagi tahun 2015, calon yang menduduki peperiksaan Bahasa Tamil SPM meningkat seramai 466 calon kepada ialah 8,242 calon, berbanding tahun 2014; dan bagi tahun 2016 pula, calon yang memilih untuk menduduki Bahasa Tamil SPM meningkat seramai 900 calon kepada ialah 9,142 calon berbanding tahun 2015.

Bagi peperiksaan STPM untuk mata pelajaran Bahasa Cina, bilangan calon pada tahun 2008 adalah seramai 787 orang. Pada tahun 2009, bilangan calon menurun sedikit kepada 674 orang. Pada 2010, bilangan calon Bahasa Cina menurun kepada 632 orang. Penurunan turut berlaku pada tahun berikutnya yakni 2011 kepada 532 calon. Pada tahun 2012, seramai 458 calon menduduki peperiksaan mata pelajaran Bahasa Cina. Seterusnya, pada tahun 2013, jumlah calon meningkat kepada 551 orang. Walau bagaimanapun, jumlah calon menurun kepada 380 orang pada tahun 2014. Penurunan bilangan calon terus berlaku pada tahun 2015 kepada 294 orang. Pada 2016, bilangan calon meningkat sedikit kepada 325 orang. Pada tahun 2017, seramai 281 orang calon akan mengambil mata pelajaran Bahasa Cina dalam peperiksaan STPM.

Bagi peperiksaan STPM untuk subjek Bahasa Tamil, bilangan calon pada tahun 2008 adalah seramai 1,072 orang. Bilangan calon menurun sedikit pada tahun 2009 kepada 851 orang. Trend penurunan ini turut berterusan pada tahun 2010 kepada 785 orang. Pada tahun 2011, sedikit penurunan bilangan calon Bahasa Tamil turut berlaku kepada 724 orang. Ini diikuti sedikit peningkatan pada tahun 2012 kepada 731 orang calon. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, terdapat penurunan bilangan calon mengambil mata pelajaran ini kepada 639 orang. Pada tahun 2014 pula, seramai 514 orang calon mengambil subjek Bahasa Tamil STPM. Ini diikuti dengan sedikit penurunan bilangan calon kepada 440 orang pada tahun 2015. Bilangan calon pula meningkat sedikit pada tahun 2016 kepada 479 orang. Pada tahun 2017, seramai 427 calon akan mengambil mata pelajaran Bahasa Tamil dalam peperiksaan STPM.